

GARIS PANDUAN *MOCKUP* BAGI PERMOHONAN PERMIT PENERBITAN DI BAWAH AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 [AKTA 301]

1.0 TUJUAN

Garis Panduan *Mock-up* ini bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan berhubung ciri-ciri *mock up* atau contoh susun atur, warna, jenis, corak dan isi kandungan yang menggambarkan penerbitan sebenar yang akan diterbitkan. Garis Panduan ini merupakan rujukan kepada pegawai yang memproses permohonan dan juga pemohon sebelum mengemukakan *mock up* semasa permohonan.

2.0 DEFINISI

Mock-up ertinya (***lay out of page printing***) ataupun contoh susun atur, warna, jenis, corak dan isi kandungan yang menggambarkan penerbitan sebenar yang akan diterbitkan.

3.0 FORMAT *MOCK-UP*

3.1 MUKA HADAPAN

3.1.1 Tajuk Penerbitan

- (a) Tajuk yang jelas dan tulisan bersaiz besar serta menjadi fokus utama. *Masthead* hendaklah sama dengan tajuk penerbitan yang dipohon dalam borang permohonan.
- (b) Tajuk hendaklah bersesuaian dengan kandungan penerbitan dan tidak boleh sama dengan tajuk penerbitan sedia ada di pasaran.
- (c) Tajuk hendaklah menggunakan bahasa seperti mana bahasa utama yang digunakan dalam penerbitan.
- (d) Tajuk hendaklah tidak terlindung daripada apa-apa perkara yang menyebabkan ianya tidak jelas untuk dibaca.

3.1.2 Harga Penerbitan

- (a) Harga senaskah hendaklah dinyatakan di muka hadapan, jika penerbitan percuma hendaklah diletakkan perkataan percuma.

3.1.3 Nombor Keluaran atau Siri atau Edisi

- (a) Nombor keluaran atau siri atau edisi hendaklah diletakkan di muka hadapan *mock up*.

3.1.4 Penggunaan Logo atau Simbol

- (a) Penggunaan logo yang merupakan tanda-tanda perniagaan atau jenama atau simbol-simbol khusus lain yang diletakkan di muka hadapan atau dalam *mock up* hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan. Surat sokongan dan kelulusan penggunaan logo daripada pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah dikemukakan bersama-sama permohonan.

3.2 HELAIAN PERTAMA ATAU AKHIR

3.2.1 Nama dan alamat penerbit dan pencetak

- (a) Nama dan alamat lengkap penerbit dan pencetak hendaklah dicetak dengan jelas samada di helaian pertama atau helaian akhir penerbitan.

3.3 ISI KANDUNGAN *MOCK UP*

3.3.1 Jenis dan Corak atau Kandungan

- (a) Isi kandungan *mock up* hendaklah selari dengan jenis dan corak atau kandungan yang dipohon.
- (b) Isi kandungan *mock up* hendaklah asli dan tidak diambil dari mana-mana penerbitan sedia ada di pasaran.
- (c) Jika penerbitan sebenar adalah berwarna, *mock up* juga hendaklah berwarna.
- (d) Isi kandungan *mock up* yang dikemukakan hendaklah sekurang-kurangnya 10 muka surat bergantung kepada jenis penerbitan yang dipohon.
- (e) Sebahagian besar isi kandungan *mock up* hendaklah dihadkan kepada hal ehwal Malaysia.
- (f) Isi kandungan *mock up* hendaklah mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya yang mana hendaklah dalam apa-apa cara atau mungkin mengandungi hasil penerbitan yang tidak diinginkan seperti yang berikut:

- (i). memudaratkan ketenteraman awam;
- (ii) memudaratkan kemoralan;
- (iii) memudaratkan keselamatan;
- (iv) menggemparkan fikiran orang ramai;
- (v) berlawanan dengan mana-mana undang-undang;
- (vi) memudaratkan kepentingan awam; atau
- (viii) memudaratkan kepentingan Negara.

3.3.2 Bahasa

- (a) Isi kandungan *mock up* hendaklah menggunakan bahasa yang dipohon sahaja seperti mana yang dinyatakan dalam borang permohonan.
- (b) Sebahagian besar (70%) kandungan *mock up* hendaklah mengandungi artikel dalam bahasa utama yang dipohon.

3.3.3 Saiz

- (a) Saiz *mock up* hendaklah bersesuaian dengan jenis penerbitan yang dipohon.

Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran
Kementerian Dalam Negeri
Tarikh Kuatkuasa: 02 Februari 2017